

# Terap keusahawanan melalui PLKN

**S**elepas Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ditangguhkan, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) mengambil inisiatif menambah baik modul pelatih PLKN dengan mengadakan Makmal Transformasi PLKN yang terbuka kepada bekas pelatih PLKN, ibu bapa pelatih serta masyarakat luar sejak Februari dan berakhir pada 27 Mac lalu.

Baru-baru ini, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, turut turun padang dan memberi respons positif terhadap penambahbaikan modul PLKN yang akan ditambah kepada tiga elemen, iaitu kemahiran, teknikal dan vokasional.

Kembali kepada awal penangguhan PLKN, menurut laporan akhbar tempatan

**Surat Pembaca**



bertarikh 21 Januari 2015, penangguhan PLKN mampu menjimatkan perbelanjaan yang menelan kos hampir RM400 juta. Namun, pada pendapat penulis, sekiranya para pelatih diberi peluang untuk mendalami selok-belok dan rahsia kejayaan dalam sektor perniagaan melalui modul keusahawanan sepanjang menjalani PLKN, modal yang dibelanjakan terhadap pelatih PLKN ini dianggap sebagai relevan, malah menguntungkan ramai pihak terutamanya bagi pembangunan sektor ekonomi negara Malaysia sendiri.

Justeru, untuk menangani krisis ekonomi yang tidak menentu dan dalam usaha memajukan taraf hidup masyarakat, para pelatih perlu diterapkan dengan kemahiran keusahawanan serta diasah untuk menjadi

pelapis usahawan yang terkemuka di peringkat negara, malah global pada masa hadapan.

Mengimbau kenangan sebagai salah seorang pelatih PLKN di Kem Teluk Rubiah, Lumut, Perak, penulis mendapati elemen keusahawanan amat menarik dan mampu memberi impak positif pada jangka panjang, meskipun elemen ini masih tidak digarapkan dengan lebih mendalam.

Malahan, pendedahan mengenai keusahawanan di PLKN meskipun dalam masa yang singkat menyedarkan penulis bahawa perniagaan merupakan satu perkara yang abstrak, dan para pencebur dalam bidang ini memerlukan daya inovasi serta kreativiti yang tinggi sebagai usaha menarik minat pelanggan untuk mendapatkan produk yang dihasilkan.

Justeru, PLKN mampu melahirkan para pelatih yang berdaya saing dalam menaikkan taraf hidup masing-masing meskipun gagal menempatkan diri dalam arena pekerjaan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pengangguran yang direkodkan sehingga April 2014 adalah 407,200 orang.

Maka, sebagai inisiatif menurunkan kadar peratusan pengangguran tersebut, elemen keusahawanan wajar ditambah dalam modul transformasi PLKN pada masa akan datang untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada para pelatih, dalam masa sama, para pelatih PLKN mampu menyediakan lebih banyak ruang kerjaya bagi masyarakat di luar sana.

*\* Siti Salwa Md Said  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*